

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : LOKAL

Pesakit mati otak derma kornea

Kota Kinabalu: Dua pesakit penerima transplan kornea (mata) sudah menerima organ berkenaan daripada penderma organ, mendiang Cospermas Gugkang, 38, menerusi pembedahan yang disempurnakan pada 8 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) Datuk Dr Rose Nani Mudin berkata, terdahulu, penderma terbabit disahkan meninggal dunia melalui pengesahan ujian mati otak di Hospital Queen Elizabeth (HQE) Kota Kinabalu.

"Pembedahan transplan kornea yang disumbangkan ini juga sudah berjaya dijalankan ke atas dua penerima transplan, ma-

Your legacy will forever be remembered



Cospermas Gugkang

1987 - 2023

PENDERMA kornea, mendiang Cospermas Gugkang.

sing-masing pada 10 dan 11 Januari di HQE. Kedua-dua penerima itu kini stabil dan dalam proses pemulihan.

"Walaupun masih berse-dih di atas kehilangan ahli keluarga tersayang, keluarga mendiang bermurah hati untuk mendermakan se-pasang kornea bagi tujuan transplan kepada pesakit yang memerlukan selepas diberikan penjelasan mengenai keadaan mendiang dan pilihan tentang pendermaan organ," katanya.

Dalam pada itu, Dr Rose Nani turut mengucapkan takziah dan penghargaan kepada keluarga mendiang Cospermas atas sumbangan mendiang kepada dua pesakit berkenaan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 14
 RUANGAN : NEGARA

Hajat pemuda berusia 38 tahun mahu membantu insan memerlukan tertunai

Pesakit mati otak derma sepasang mata

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA – Biar pun sedih kehilangan ahli keluarga, namun waris Cospermas Gugkang tetap prihatin dengan kesesuaian insan lain apabila bersetuju mendermakan sepasang kornea (mata) di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah.

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr. Rose Nani Muddin berkata, mendiang meninggal dunia pada usia 38 tahun melalui pengesahan ujian mati otak di hospital berkenaan minggu lalu.

Menurutnya, selepas diberikan penjelasan mengenai keadaan mendiang dan pilihan tentang pendermaan organ, waris bersetuju untuk mendermakan sepasang kornea (mata) bagi tujuan transplan kepada pesakit yang memerlukan.

"Kes pendermaan organ telah disempurnakan pada 8 Januari lalu dan pembedahan transplan kornea yang disumbangkan ini juga telah berjaya dijalankan ke atas dua orang penerima masing-masing pada 10 dan 11 Januari lalu di hospital tersebut.

"Kedua-dua penerima terse-



COSPERMAS GUGKANG

but kini stabil dan sedang dalam proses pemulihan," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Rose Nani turut mengucapkan takziah dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada keluarga penderma.

Katanya, sebuah sinar harapan baharu telah diberikan kepada pesakit yang memerlukan di samping berharap tindakan mulia berkenaan dicontohi oleh seluruh rakyat Malaysia.

"Semoga roh mendiang diberkati dan pihak keluarga diberi kekuatan menghadapi ke-



BARISAN petugas kesihatan memberi tanda hormat kepada mendiang Cospermas selepas selesai pembedahan di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

hilangan ini.

"Kita juga mengharapkan lebih ramai tampil mendaftarkan diri sebagai pengikrar penderma organ melalui aplikasi MySejahtera," ujarnya.

Rata-rata memuji tindakan keluarga tersebut kerana telah

memberikan anugerah baharu buat dua penerima organ.

"Kematian yang menghidupkan. Tahniah kepada ahli keluarga yang rela berkorban demi kehidupan orang lain. Saya pun dah berikrar untuk derma organ," komen Mior Muhammad Hafiz.

"Salam takziah, teringat waktu mendiang masih hidup, dia pernah cakap kalau meninggal lagi baik derma organ, rupanya niat mendiang telah pun terlaksana. Damailah engkau di sana wahai sahabat," komen seorang pengguna lain pula.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Dengue cases up 13.6% last week: Health DG

PUTRAJAYA: The number of dengue cases in the second Epidemiological Week of 2023 (ME2/23) from Jan 8 to 14 increased by 301 cases, or 13.6%, to 2,520 cases compared with 2,219 cases in the previous week.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said one death due to dengue fever complications was also reported during the week.

The cumulative number of dengue fever cases reported so far is 4,739, compared with 1,429 cases for the corresponding period in 2022.

At the same time, two deaths due to dengue complications were also reported, compared with zero deaths during the same period last year, he said in a statement yesterday.

Noor Hisham said some 67 hotspot localities were reported this week, 40 of which were in Selangor, Sabah (15), Penang (five), Kuala Lumpur and Putrajaya (five), and Perak (one).

Regarding chikungunya, he said 11 cases were reported in ME2/23, with five cases in Penang, three in Selangor, and one each in Kedah, Perak and Negeri Sembilan.

The cumulative number of chikungunya cases is 36, to date.

"As for Zika surveillance, a total of 46 blood samples and one urine sample were screened, and the results were all negative," he said. - Bernama